

13/10/1999

Punca pencemaran dibentang hari ini

KUALA LUMPUR, Selasa - Hasil siasatan punca pencemaran Sungai Sepang yang dikenal pasti oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai 'hitam', akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri esok.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, sudah menerima laporan pencemaran sungai berkenaan dan punca utama yang menyebabkan fenomena itu daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), pagi ini.

Sumber memberitahu, laporan itu mengandungi senarai industri yang mencemarkan kawasan limbangan sungai berkenaan.

"Ia akan dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan yang dijangka memutuskan tindakan selanjutnya termasuk mengenakan peruntukan undang-undang terhadap pihak bertanggungjawab," katanya ketika dihubungi di sini petang ini.

Dr Mahathir ketika pulang ke tanah air dari Zimbabwe minggu lalu, ternampak pencemaran teruk di sepanjang Sungai Sepang sehingga menyebabkan sungai itu berwarna hitam pekat.

Sungai Sepang adalah antara sungai paling tercemar di negara ini dengan punca terbesar datang daripada kegiatan pembuangan sisa babi ladang ternak berhampiran, sejak bertahun-tahun lamanya.

Sumber itu berkata, antara tindakan yang boleh diambil ialah memindahkan ladang ternak babi berhampiran ke kawasan penternakan bersepadu yang dicadangkan beberapa bulan lalu, berikutan wabak encephalitis.

"Perpindahan itu perlu dijalankan segera kerana sebarang pemulihan kawasan limbangan Sungai Sepang hanya boleh dilaksanakan selepas tiada sumber cemar berhampiran," katanya.

Selain itu, katanya, beberapa kilang haram yang dipercayai beroperasi berhampiran sungai berkenaan turut dikenal pasti menjadi punca pencemaran.

(END)